

Pelan Tindakan Khas Bandar (PTKB)
CADANGAN MENAIK TARAF
TAMAN TASIK YDP, SLIM RIVER
DAERAH MUALLIM, PERAK DARUL RIDZUAN



SENARAI KANDUNGAN

	<i>Muka surat</i>
1.0 Pengenalan	1
2.0 Latar Belakang Projek	2
2.1 Tapak Cadangan	3
2.2 Keadaan Semasa	4
2.3 Zon Gunatanah	6
2.4 Hirarki Perbandaran	6
2.4 Hirarki Taman Awam	7
2.5 Isu dan Potensi Strategik Tapak	8
3.0 Matlamat dan Objektif	9
4.0 Cadangan Pembangunan	10
4.1 Pelan Konsep	11
4.2 Cadangan Pelan Susunatur	17
5.0 Cadangan Perlaksanaan	32
5.1 Fasa Pembangunan	32
5.2 Cadangan Pembiayaan Projek	33
5.3 Anggaran Kos Pembangunan	34
6.0 Rumusan	37


1.0 PENGENALAN

1.1 Pelan Tindakan Khas Bandar (PTKB) merupakan salah satu daripada peringkat perancangan mikro (4th tier *micro planning*) di dalam hierarki perancangan di Malaysia.

1.2 PTKB ini merupakan dokumen perancangan yang mengandungi cadangan tindakan khusus dan terperinci (perancangan pemajuan) untuk mengatasi isu spesifik bercorak tempatan bagi sesuatu kawasan dan disediakan dalam jangka masa yang pendek.

1.3 Tujuan utama PTKB ini dilaksanakan adalah untuk membantu pihak pelaksana projek khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan yang telah dicadangkan di dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD).

Rajah 1.0 : Hierarki PTK dalam peringkat Rancangan Pemajuan di Malaysia



2.0 LATAR BELAKANG PROJEK

2.0.1 Laporan Pelan Tindakan Khas Bandar (PTKB) ini adalah merupakan cadangan pembangunan bagi menaik taraf taman awam sedia ada di bandar Slim River, Muallim, Perak Darul Ridzuan. Taman awam ini dikenali sebagai Taman Tasik YDP. Cadangan pembangunan ini menggabungkan konsep taman tema air dan taman *i-City* bagi memberikan nilai tambah kepada taman awam sedia ada.

2.0.2 Lokasi tapak yang strategik iaitu berada di laluan utama Slim River – Tanjong Malim dan pintu masuk ke Bandar Slim River memberikan kelebihan kepada cadangan pembangunan ini. Pembangunan taman rekreasi berkonsepkan taman tema air akan memberikan satu daya tarikan baru kepada bandar Slim River khususnya.

2.0.3 Cadangan ini juga selaras dengan Teras 2.5n, Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Muallim 2035 – Cadangan Taman Tema Slim River.

Rajah 2.0 : Cadangan Taman Tema Slim River dalam RTD Muallim 2035

TERAS 2 PERSEKITARAN KEHIDUPAN INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI		Agensi Utama	Agensi Sokongan	Jangka masa Pelaksanaan		
				Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
T2.5 Memperkukuhkan Fungsi Bandar bagi Mencapai Bandar Berdaya Saing dan Berdaya Huni (samb.)						
T2.5k	Cadangan Penyediaan Papan Tanda dan Pintu Gerbang (Bandar Slim River)	JKR, MDTM, JLN, Swasta	PDTMu	•		
T2.5l	Cadangan Pengindahan dan Menaik Taraf Laluan Utama Pintu Masuk (Bandar Slim River)	JKR, MDTM, JLN, Swasta	PDTMu	•		
T2.5m	Menaik Taraf Kawasan Tumpuan Sedia Ada (Bandar Slim River)	JKR, MDTM, JLN, Swasta	PDTMu	•		
T2.5n	Cadangan Taman Tema (Slim River)	MDTM, Swasta	PDTMu		•	



2.1 Tapak Cadangan

2.1.1 Tapak cadangan terletak di bahagian Selatan Bandar Slim River, Mukim Slim, Daerah Muallim. Tapak cadangan merupakan taman rekreasi awam yang dinamakan sebagai Taman Tasik YDP. Status tanah adalah rizab kerajaan untuk kegunaan taman rekreasi. Tanah ini dikawal oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan diselenggara oleh Majlis Daerah Tanjong Malim(MDTM). Rujuk jadual 1.0.

2.1.2 Pada masa ini, terdapat beberapa kemudahan awam yang dibangunkan PBT seperti, taman permainan kanak-kanak, gazebo, tandas, trek, penginapan dan dataran tempat letak kenderaan.

Rajah 4.0 : Pelan Lokasi Tapak Cadangan




Sumber : Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu

Jadual 1.0 : Perihal Tapak

Nombor Lot	-
Mukim	Slim
Keluasan Lot	12.86 Hektar (31.79 ekar)
Hakmilik	Dikawal oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan diselenggara oleh Majlis Daerah Tanjong Malim
Status	Rizab Taman Rekreasi
Zonning RTD	Tanah Lapang & Rekreasi dan Badan Air

2.2 Keadaan Semasa Tapak

2.3.1 Tapak cadangan merupakan kawasan taman rekreasi sedia ada dan 55% daripadanya merupakan kawasan badan air (tasik). Terdapat juga beberapa kemudahan rekreasi seperti, taman permainan kanak-kanak, trek, gazebo, tandas dan penginapan (1108 Carebin).




2.3.2 Kawasan sekitar tapak terdiri daripada kawasan perumahan, pembangunan komited stesen minyak, kawasan pertanian, Sungai Slim dan landasan keretapi. Pusat bandar Slim River hanya 1km dari sini.



Bandar Slim River



Sungai Slim



Kampung Balun




Kawasan Komersial Taman Slim Permai



Landasan keretapi KTMB



Kawasan Pertanian




Pembangunan Stesen Minyak

2.3 Zon Gunatanah Di Dalam Rancangan Tempatan Daerah Muallim 2035

2.3.1 Tapak cadangan telah dizonkan sebagai tanah lapang dan rekreasi serta badan air di dalam Rancangan Tempatan Daerah Muallim 2035.

2.3.2 Tapak cadangan terletak di dalam Blok Perancangan (BP2- Mukim Slim).

Rajah 4.0 : Lokasi tapak di dalam BP2 – Mukim Slim



Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Muallim 2035

2.4 Hirarki Perbandaran

2.4.1 Bandar Slim River telah dikenalpasti sebagai bandar tempatan di dalam Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2), iaitu bandar kedua terpenting dalam daerah Muallim selepas Tanjong Malim sebagai Bandar Utama.

2.4.2 Sebagai bandar kedua terpenting di dalam daerah, Slim River perlu kepada sebuah taman rekreasi awam yang lengkap dengan kemudahan bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.

2.4.3 Taman Tasik YDP merupakan taman rekreasi awam yang terdapat di Bandar Slim River. Kedudukannya di bahagian selatan bandar dan dipisahkan oleh sungai Slim.


2.5 Hirarki Taman Awam

2.5.1 Di dalam Daerah Muallim terdapat lima (5) taman rekreasi awam, empat (4) daripadanya terletak di Tanjong Malim manakala 1 di Slim River. Berikut adalah senarai taman-taman tersebut:-

- i. Taman Tasik Embayu Bandar Proton;
- ii. Taman Ujana Muallim;
- iii. Taman Rimba Bandar Proton;
- iv. Taman Mini *Wet Land* Bandar Behrang;
- v. Taman Tasik YDP, Slim River;

2.5.2 Bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk di sekitar bandar Slim River, Taman Tasik YDP perlu dinaik taraf bagi menyediakan kemudahan rekreasi yang terbaik serta tumpuan utama penduduk untuk berekreasi.

Taman Tasik Embayu Bandar Proton



Taman Ujana Muallim



2.5 Isu dan Potensi Strategik Tapak

2.5.1 Antara isu yang telah dikenalpasti adalah:-

- i. Taman rekreasi semasa tidak berdaya saing dan nilai komersial yang rendah kepada PBT;
- ii. Kurang dikunjungi penduduk melainkan pada setiap hujung minggu;
- iii. Infrastruktur rekreasi yang terhad dan melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi ; dan
- iv. Sebahagian ruang belum dibangunkan secara optimum.

2.5.2 Tapak cadangan memiliki potensi berikut :-

- i. Lokasi yang strategik berhampiran pintu masuk selatan bandar Slim River iaitu bersebelahan laluan utama Slim River – Tanjong Malim;
- ii. Kedapatan ruang tanah yang boleh dibangunkan untuk aktiviti bernilai tinggi.

- iii. Keadaan semasa topografi tapak yang landai dapat meminimalkan kos kerja tanah.
- iv. Tasik sedia ada yang luas memberikan panorama yang menarik dan mempersonakan.



Pemandangan Taman Tasik YDP dari Imej Drone

3.0 MATLAMAT DAN OBJEKTIF


3.1 Matlamat

Penjenamaan semula Taman Tasik sebagai pusat rekreasi utama di Bandar Slim River.

3.2 Objektif

3.2.1 Berberapa objektif bagi cadangan pembangunan ini yang telah dikenalpasti seperti berikut:-

- i. Menjenamakan semula taman rekreasi sediaada dengan menambah komponen rekreasi bertema dan perniagaan sokongan;
- ii. Melihat potensi bagi pembangunan tapak ekspo dan kawasan komersial sebagai sokongan aktiviti rekreasi dan memberi pulangan kepada PBT;
- iii. Menyediakan kawasan rekreasi yang lengkap dengan pelbagai kemudahan; dan
- iv. Memudahkan Majlis Daerah Tanjong Malim bagi pendanaan dan pelaksanaan projek.



Laluan masuk utama ke Taman Tasik YDP dari jalan Slim River – Tanjong Malim

4.0 CADANGAN PEMBANGUNAN

- 4.0.1 Cadangan pembangunan menaik taraf Taman tasik YDP ini dirancang berkonsepkan taman tema. Tema yang dipilih adalah taman tema air dan taman *i-City* beserta kemudahan sokongan.
- 4.0.2 Konsep ini dipilih kerana di kawasan bandar Slim River belum ada kawasan rekreasi yang berkonsep sebegini, sama ada diusahakan oleh pihak swasta mahupun kerajaan.
- 4.0.3 Taman tema air yang dicadangkan adalah berbentuk *mini water park* dan mensasarkan golongan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.
- 4.0.4 Taman *i-City* pula dicadangkan dengan hiasan pokok buatan berlampu led, kawasan istirehat dan kawasan aktiviti keluarga.



Taman tema berkonsepkan rekreasi air



Taman rekreasi berkonsepkan *i-City*

4.1 Pelan Konsep

Cadangan Pembangunan Taman Tema ini berkonsepkan taman tema air yang dibahagikan kepada 3 zon utama iaitu :-

4.1.1 Zon Awam (A,B dan C)

- Tempat Ketak Kenderaan
- Tandas dan Surau
- *Food Court*
- Kiosk Cenderamata
- Taman Permainan Kanak-kanak
- Laman *i-City*
- Dataran Tapak Ekspo

4.1.2 Zon *Water Park* (D) (kawasan berpagar)

- Kolam mandi kanak-kanak
- *Water Slide*
- *Umbrella Shower*
- *Water Gun*

4.1.3 Zon Aktiviti Pasif (E dan F)

- Trek Jogging
- Restoran terapung
- Jeti sukan air
- *Platform Memancing*
- *Tapak Glamping*

Rajah 5.0 : Pelan Konsep Cadangan Menaiktaraf Taman Tasik YDP



Zon Awam

i. Laman *i-City*

Elemen bagi pembangunan Laman *i-City* Slim River direkabentuk agar mesra kanak-kanak dan keluarga, selain dari konsep limpahan cahaya di waktu malam dengan pencahayaan *spotlight* dan pokok lampu LED, ianya juga dipenuhi dengan elemen hiburan dan keseronokan untuk pengunjung.



Contoh Taman Rekreasi berkonsep *i-City* dilimpahi cahaya warna warna yang mempersona

ii. *Food Court*

Cadangan food court di kawasan taman tasik ini adalah bagi menyokong aktiviti rekreasi yang terdapat di taman tersebut. *Food court* berciri moden dan menawarkan jenis makanan yang popular di Perak seperti Miker Pizza, kedai kopi hipster, pau Yik Mun dan lain-lain yang sesuai.



Antara food court yang berciri moden yang dapat memberikan sokongan kepada aktiviti rekreasi

iii. Dataran Ekspo

Sebuah dataran dicadang untuk dibina dengan mempunyai dwi fungsi iaitu sebagai tempat letak kenderaan dan tapak ekspo. Pihak MDTM boleh mengenakan sewaan kepada operator acara seperti *car boot sale*, *funfair* dan karnival jualan.



Antara aktiviti yang boleh dijalankan di dataran ekspo

iv. Restoran Terapung

Pemandangan tasik sedia ada yang cantik dan mempersonakan, merupakan potensi bagi cadangan restoran terapung. Cadangan ini dijangka dapat menarik pengunjung untuk menjamu selera sambil menikmati pemandangan indah di sekitar tasik.



Keunikan restoran terapung dapat menarik minat pengunjung

Zon Water Park

i. Mini Water Park

Sebuah taman tema air telah dicadangkan kan di dalam pembangunan ini. Taman ini dijangka kan menjadi penarik utama pengunjung ke kawasan ini. Skala taman tema ini adalah kecil dan menyasarkan pengunjung yang berumur 12 tahun ke bawah. Antara elemen pembangunan adalah kolam mandi (0.2 – 0.5 meter), *umbrella shower*, *water slide* dan *water gun*.

Pembangunan ini dicadang untuk dibangunkan dan dioperasikan oleh pihak swasta.



Antara rekabentuk kolam mandi kanak-kanak beserta dengan kemudahan permainan air

Zon Aktiviti Pasif

i. Jeti Sukan Air

Cadangan jeti ini dapat memberikan kemudahan kepada pengusaha dan pengunjung yang melakukan aktiviti sukan air. Keadaan tasik yang luas memberikan kelebihan untuk melakukan pelbagai aktiviti sukan air termasuk kayak, boat cruise, dan bot kayuh keluarga.



Contoh jeti sukan air yang boleh dibina di Tasik YDP

ii. Platform Aktiviti Memancing

Aktiviti memancing merupakan aktiviti rekreasi sediada di tapak cadangan. Penyediaan platform ini akan memberikan keselesaan kepada penggemar aktiviti memancing seterusnya dapat menarik lebih ramai pengunjung.



Platform memancing dengan ciri-ciri keselamatan dapat memberikan keselesaan kepada penggunanya

iii. Tapak *Glamping*

Tapak perkhemahan berkonsepkan *glamping* turut dicadangkan dalam pembangunan ini kerana ianya merupakan tren terkini bagi segmen rekreasi semulajadi. Tapak ini akan dilengkapi dengan kemudahan bekalan elektrik, air dan tandas.



Tapak glamping yang lengkap dengan kemudahan dapat menarik minat

iv. Trek *Jogging*

Telah terdapat trek *jogging* sedia ada di tapak, walau bagaimanapun adalah didapati jarak trek tersebut pendek dan dicadangkan trek tersebut dipanjangkan serta dilebarkan bagi memberikan keselesaan kepada penggunaanya.



Kemudahan trek jogging yang sempurna dan selamat dapat dimanfaatkan oleh penduduk untuk beriadah.


Rajah 6.0 : Pelan Susunatur Cadangan Menaiktaraf Taman Tasik YDP di atas imej drone

4.2 Cadangan Pelan Susunatur

- 4.2.1 Cadangan pelan susunatur yang disediakan telah mengambilkira pembangunan sedia ada di tapak dan penambahbaikan kepada komponen rekreasi, infrastruktur dan kemudahan.
- 4.2.2 Cadangan susunatur ini juga mengambilkira keperluan jalan keluar masuk, tempat letak kenderaan, *compact sub* TNB dan landskap.
- 4.2.3 Keluasan kawasan pembangunan merangkumi 6.00 ekar (18.82%) dari keseluruhan lot, manakala badan air iaitu kawasan tasik merangkumi 17.40 ekar (54.78%). Selebihnya adalah kawasan hijau seluas 8.39 ekar (26.40%).



Rajah 7.0 : Pelan Susunatur Cadangan Menaik Taraf Taman Tasik YDP



Rajah 8.0 : Ilustrasi Komponen Cadangan Menaik Taraf Taman Tasik YDP, Slim River




4.3 Komponen Pembangunan

i. Mini Water Park




Bil	Komponen	Unit	Luas	GDV (RM)
1	Kolam mandi kanak-kanak	1	6,942.26	1,041,340.00
2	<i>Umbrella Shower</i>	2	-	10,000.00
3	<i>Water slide</i>	1	-	20,000.00
4	M&E	-	-	50,000.00
5	Sistem Rumah Pam + Perparitan	-	-	30,000.00
6	Lampu hiasan	5	-	10,000.00
7	Landskap	-	-	10,000.00
	Jumlah			1,171,340.00

Ilustrasi cadangan Mini Water Park



ii. Laman *i-City*


Bil.	Komponen	Unit	Luas (kp)	GDV (RM)
1.	Dataran	-	29,509.65	296,585.00
2.	Pokok LED	100	-	200,000.00
3.	Replika Robot	10	-	100,000.00
4.	Kiosk	4	-	60,000.00
5.	M&E	-	-	100,000.00
6.	Landskap	-	-	200,000.00
	Jumlah			956,585.00

 Ilustrasi cadangan Laman *i-City*


iii. Food Court




Bil	Komponen	Unit	Luas (kp)	GDV (RM)
1.	Bangunan Kedai + Ruang Makan + Membrane Tent (RM150/kp)	6	6,028	904,200.00
2	M&E			30,000.00
3	Landskap + lampu hiasan	1		20,000.00
4	Perparitan			20,000.00
5	Pembentungan			50,000.00
	Jumlah			1,024,200.00

Ilustrasi cadangan food court




iv. Dataran Ekspo



Bil	Komponen	Unit	Luas (kp)	GDV (RM)
1.	Dataran + Pentas	-	20,000	222,960.00
2.	M&E			50,000.00
3.	Landskap + lampu hiasan			20,000.00
4.	Sistem paip			10,000.00
	Jumlah			302,960.00

Ilustrasi cadangan dataran ekspo



v. Jeti Sukan Air



Bil	Komponen	Unit	Luas (kp)	GDV
1.	Bangunan Jeti <i>on stilt</i>	1	900	135,000.00
2.	M&E			10,000.00
3.	Lampu hiasan	4		10,000.00
	Jumlah			155,000.00

Ilustrasi cadangan jeti sukan air



vi. Restoran Terapung



Bil	Komponen	Unit	Luas (kp)	GDV (RM)
1.	Bangunan Restoran <i>on stilt</i>	3	2,700	405,000.00
2.	M&E			10,000.00
3.	Pembentungan + Perparitan			10,000.00
	Jumlah			425,000.00

Ilustrasi cadangan restoraan terapung



vii. Taman Permainan Kanak-kanak



Bil	Komponen	Unit	Luas (KP)	GDV (RM)
1.	Set 4 Buaian	1		5,000.00
2.	Jongkang-jongket (<i>spring dandle board</i>)	4		2,000.00
3.	Set Gelongsor	1		15,000.00
4.	Concrete pavement (RM100/meter ²)	-	1,800 (167m ²)	16,700.00
	Jumlah			38,700.00

Ilustrasi cadangan taman permainan kanak-kanak



viii. Tapak Glamping



Bil	Komponen	Unit	Luas (kp)	GDV
1.	Tapak Glamping		81,106	95,000.00
2.	M&E			5,000.00
	Jumlah			100,000.00

Ilustrasi cadangan tapak glamping



ix. Platform Memancing



Bil	Komponen	Unit	Luas (kp)	GDV (RM)
1	Platform <i>konkrit</i>	1	1,500	99,000.00
2	Lampu hiasan	8		16,000.00
3	M&E			5,000.00
	Jumlah			120,000.00

 Ilustrasi cadangan *platform* memancing


x. Surau dan Tandas



Bil	Komponen	Unit	Luas (kp)	GDV
1.	Surau	1	860	129,000.00
2.	Tandas + bilik persalinan	2	1,872	280,800.00
	Jumlah			409,800.00

Ilustrasi cadangan surau dan tandas



xi. Trek Jogging dan gazebo



Bil	Komponen	Unit	Luas (m ²)	GDV
1.	Concrete pavement jogging track (RM100/meter ²)	1	1,885.2m ² (628.40m x 3m)	188,520.00
2.	Gazebo	5		50,000.00
	Jumlah			238,520.00

Ilustrasi cadangan laluan trek jogging



Ilustrasi cadangan gazebo



5.0 CADANGAN PERLAKSANAAN

5.1 Fasa Pembangunan

Cadangan pelaksanaan projek Menaik Taraf Taman Tasik YDP ini akan dibahagikan kepada 3 fasa pembangunan iaitu:-

Fasa 1

- **Fasa 1 A** – melibatkan pembangunan kawasan dataran ekspo, surau, tandas, jalan masuk berserta infra dan utiliti.
- **Fasa 1 B** – melibatkan pembangunan taman tema air dan taman permainan kanak – kanak berserta infastruktur dan utiliti.

Fasa 2

- **Fasa 2 A** – melibatkan pembangunan laman i-City, kiosk, sebahagian trek *jogging*, jalan, landskap serta infrastruktur dan utiliti.

- **Fasa 2 B** – melibatkan pembangunan *food court* yang lengkap beserta infrastruktur dan utiliti.
- **Fasa 2 C** – melibatkan pembangunan jeti bertiang di tebing tasik untuk tujuan sukan air.

Fasa 3


- **Fasa 3 A** – pembinaan jalan raya, trek jogging, gazebo, tapak *glamping* dan platform memancing.
- **Fasa 3 B** – melibatkan pembinaan bangunan restoran bertiang di pinggiran tasik.

Pihak MDTM boleh mengenakan sewaan kepada operator-operator swasta yang berminat untuk mengoperasikan restoran terapung, jeti sukan air, laman *i-City* dan tapak ekspo.

Fasa dan Komponen Pembangunan

Bil.	Komponen	Fasa		Unit	Ekar	Kos (RM)
1	Dataran Ekspo	Fasa 1	1A	-	0.46	302,960.00
2	Surau			1	0.02	129,000.00
3	Tandas			1	0.01	140,400.00
4	Signage			1		100,000.00
5	Jalan dan Tempat Letak Kenderaan				0.550	445,200.00
6	Mini Water Park		1B	1	0.160	1,171,340.00
7	Taman Permainan			1	0.040	38,700.00
	Jumlah kecil				1.24	2,327,600.00
1	Laman i-City + Trek Jogging	Fasa 2	2A	-	2.930	956,585.00
2	Food court		2B	6	0.503	1,024,200.00
3	Jalan dan Tempat Letak Kenderaan			-	1.125	910,600.00
4	Jeti Sukan Air		2C	1	0.024	155,000.00
	Jumlah kecil				4.58	3,046,385.00
1	Platform memancing	Fasa 3	3A	1	0.08	120,000.00
2	Tapak Glamping			-	6.164	100,000.00
3	Tandas			1	0.01	140,400.00
4	Trek Jogging dan Gazebo			5	0.460	238,520
5	Jalan dan Tempat Letak Kenderaan			-	1.686	1,364,600.00
6	Restoran terapung		3B	1	0.074	425,000.00
	Jumlah kecil				8.47	2,388,520.00
	Jumlah Besar				14.29	7,762,505.00

Rajah 9.0 : Plan Fasa Pembangunan



5.2 Cadangan Pembiayaan Projek

Cadangan pelaksanaan projek Menaik Taraf Taman Tasik YDP ini akan dibahagikan kepada 2 kaedah iaitu, yang pertama peruntukan pembangunan yang dimohon oleh pihak MDTM kepada pihak Jabatan Landskap Negara.

Manakala bagi pembangunan *Mini Water Park*, Restoran Makanan Segera dan Tapak *Glamping* mempunyai potensi untuk dibangunkan oleh pihak swasta sepenuhnya ataupun kaedah usahasama (*Joint Venture (JV)*).

Anggaran keseluruhan pelaburan pihak swasta adalah RM1.2 juta iaitu bagi komponen Mini water dan tapak *glamping*.

Jadual 2.0 : Peruntukan PBT (Permohonan peruntukan dari Jabatan Landskap Negara)

Bil	Komponen	Unit	GDC (RM)	Sumber Peruntukan
1	Dataran Ekspo	1	302,960.00	JKT
2	Food Court	6	1,024,200.00	JKT
3	Laman i-City	-	956,585.00	JLN
4	Jeti Sukan Air	1	155,000.00	JLN
5	Restoran Terapung	1	425,000.00	JKT
6	Trek <i>Jogging</i>	1	188,520.00	JLN
7	<i>Gazebo</i>	5	50,000.00	JLN
8	<i>Platform Memancing</i>	1	120,000.00	JLN
9	Surau	1	129,000.00	JKT
10	Tandas	2	280,800.00	JKT
11	Taman Permainan	1	38,700.00	JLN
12	<i>Signage Pintu Masuk Utama</i>	1	100,000.00	JKT
13	Jalan dan TLK	-	2,720,400.00	JKT
	Jumlah		6,491,165.00	

Jadual 3.0 : Komponen dan anggaran kos Pelaburan Swasta

Bil	Komponen	Unit	GDC (RM)
1	Mini Water Park	1	1,171,340.00
2	Tapak <i>Glamping</i>		100,000.00
	Jumlah		1,271,340.00

5.3 Anggaran Kos Pembangunan

Bil .	Komponen	Unit	Luas		Gross Development Cost (GDC) (RM)
			Kaki Persegi (kp)	Meter Persegi (m ²)	
1	Mini Water Park				
a	Kolam mandi kanak-kanak + <i>membrane tent</i> + <i>signboard</i> (RM150/kp)	1	6,942.26	645	1,041,340.00
b	<i>Umbrella Shower</i>	2			10,000.00
c	<i>Water slide</i>	1			20,000.00
d	M&E				50,000.00
e	Sistem rumah pam + perparitan				30,000.00
f	Lampu hiasan	5			10,000.00
g	Landskap				10,000.00
	Jumlah kecil				1,171,340.00
2	Laman i-city				
a	Dataran <i>Interlocking Pavement</i> (RM120/m ²)		29,509.65	2,742	296,585.00
b	Pokok lampu LED (RM2000/unit)	100			200,000.00
c	Replika Robot (RM10,000/unit)	10			100,000.00
d	Kiosk (RM15,000.00/unit)	4			60,000.00
e	M&E				100,000.00
f	Landskap				200,000.00
	Jumlah kecil				956,585.00

5.3 Anggaran Kos Pembangunan (sambungan.....)

Bil .	Komponen	Unit	Luas		Gross Development Cost (GDC) (RM)
			Kaki Persegi (kp)	Meter Persegi (m ²)	
3	Food Court				
a	Bangunan Kedai + Ruang Makan + <i>Membrane Tent</i> (RM150/kp)	6	6,028	560	904,200.00
b	M&E				30,000.00
c	Landskap + lampu hiasan				20,000.00
d	Perparitan				20,000.00
e	Pembentungan				50,000.00
	Jumlah kecil				1,024,200.00
4	Dataran Ekspo				
a	Dataran <i>Interlocking Paver</i> (RM120/m ²) + Pentas		20,000	1,858	222,960.00
b	M&E				50,000.00
c	Landskap + lampu hiasan				20,000.00
d	Sistem paip				10,000.00
	Jumlah kecil				302,960.00
5	Jeti Sukan Air				
a	Bangunan Jeti <i>on stilt</i> (RM150/kp)	1	900	84	135,000.00
b	M&E				10,000.00
c	Lampu hiasan	4			10,000.00
	Jumlah kecil				155,000.00

5.3 Anggaran Kos Pembangunan (sambungan....)

Bil	Komponen	Unit	Luas		Gross Development Cost (GDC) (RM)
			Kaki Persegi (kp)	Meter Persegi (m ²)	
6	Restoran Terapung				
a	Bangunan Restoran <i>on stilt</i> (150/kp)	3	2,700	251	405,000.00
b	M&E				10,000.00
c	Pembentungan + Perparitan				10,000.00
	Jumlah kecil				425,000.00
7	Infrastuktur dan Kemudahan Keseluruhan				
a	Taman permainan kanak-kanak		1,800	167	38,700.00
b	<i>Platform</i> memancing + lampu hiasan (8 unit) + M&E (RM80/kp)	1	1,500	399	120,000.00
c	Surau (RM150/kp)	1	860	80	129,000.00
d	Tandas (RM150/kp)	2	936	87	280,800.00
e	Trek <i>Jogging</i> (RM100/m ²) + Landskap, M&E, Lampu hiasan		20,292	1,885	188,520.00
f	Tapak <i>Glamping</i>		81,106	7,535	100,000.00
g	<i>Gazebo</i> 10'x10' (RM10,000/unit)	5	500	46.45	50,000.00
h	Jalan dan Tempat letak kenderaan (RM200/m ²)	-	146,410	13,602	2,720,400.00
i	<i>Signage</i> pintu masuk utama	1			100,000.00
j	<i>Signage</i> taman tema (RM 30,000/unit)	2			60,000.00
	Jumlah kecil				3,293,820.00
	Jumlah Besar		219,830.83	20,423	7,039,255.00
	Preliminary 5% dari keseluruhan kos				351,962.75
	JUMLAH KESELURUHAN KOS PEMBANGUNAN				7,762,505.00

6.0 RUMUSAN

- 6.1 Cadangan menaiktaraf Taman Tasik YDP, Slim River ini dijangkakan akan dapat meningkatkan imej bandar Slim River dan memberikan nilai tambah kepada tarikan rekreasi di kawasan tersebut.
- 6.2 Pembangunan ini dijangka memberikan pulangan kepada MDTM dalam bentuk pegangan aset, sewaan dan fi masuk yang akan dikenakan kepada operator dan pengunjung.
- 6.3 Peningkatan nilai tambah kepada kemudahan rekreasi dan aktiviti sokongannya, menjadikan taman awam sedia ada tumpuan kepada penduduk di Slim River dan juga di sekitarnya.





Disediakan Oleh:



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

Pejabat Projek Zon Tengah
Aras 4, Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 Putrajaya
Tel : 0380910000
Fax: 0380910455